



Kementerian perlu beberapa minggu teliti pelaksanaan 5G

Ridauddin Daud

Disember 7, 2022 19:08 MYT

PUTRAJAYA: Kementerian Komunikasi dan Digital memerlukan masa beberapa minggu bagi membincangkan pelaksanaan perkhidmatan teknologi 5G di Malaysia melibatkan Digital Nasional Berhad (DNB).

Menterinya, Fahmi Fadzil berkata, pihaknya akan mengadakan pertemuan dengan Kementerian Kewangan (MoF) pada Isnin depan dan beliau berharap maklumat daripada pertemuan itu dapat dibawa ke mesyuarat Jemaah Menteri secepat mungkin.

Menurutnya, dalam mesyuarat pada pagi Rabu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim turut menyentuh isu berkenaan terutamanya dari aspek penilaian teknikal bagi memastikan pelaksanaannya tidak terganggu.

"Ini yang Perdana Menteri telah nyatakan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pagi tadi bahawa MoF dan Kementerian Komunikasi, kita perlu adakan penilaian teknikal dan meneliti beberapa aspek untuk memastikan pelaksanaan rangkaian 5G ini tidak terganggu.

"Kita tak mahu terganggu, kalau boleh kita nak percepatkan. Kita lihat banyak negara lain, tahap pelaksanaan, mungkin ada yang sudah selesai malah ada negara yang mula bercakap tentang 6G.

"Pada masa sama, kita tahu ada beberapa isu berkaitan syarikat tersebut (DNB). Itu sebabnya Perdana Menteri mengarahkan kami untuk meneliti perkara ini," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Mesyuarat Pasca Kabinet Kementerian Komunikasi dan Digital di sini pada Rabu.

Dalam pada itu, Fahmi menegaskan projek tersebut tidak digantung sebaliknya kementerian akan meneliti syarikat yang terbabit dalam pelaksanaan teknologi tersebut.

"Setakat 31 Oktober 2022, DNB meneruskan kerja pembangunan infrastruktur 5G dengan sejumlah 2,715 tapak 5G telah disiapkan merangkumi 36 peratus liputan di kawasan berpenduduk," ujarnya.

Katanya lagi, kementerian memandang serius perkara tersebut, bukan hanya dari aspek teknikal tapi juga undang-undang bagi memastikan perkhidmatan itu dapat dilaksanakan segera.